

**TAHAP PENGUASAAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PETUGAS HAL
EHWAL ISLAM DI NEGERI PERAK**



**INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH :

AHMAD SA'ADUDDIN BIN WAHAB

APRIL 2013

ISI KANDUNGAN

1. Surat Penghantaran Laporan	iii
2. Surat Tawaran Penyelidikan	iv
3. Penghargaan	v
4. Perubahan Tajuk dan Objektif Penyelidikan	vi
5. Kandungan Laporan	1
5.1 Ringkasan Eksekutif Cadangan	1
5.2 Ringkasan Eksekutif Dapatan	2
5.3 Pendahuluan	2-4
5.4 Ringkasan Kajian Literature	4-5
5.5 Metodologi Kajian	5-6
5.6 Hasil Kajian	7-18
5.7 Kesimpulan dan Cadangan	18-19
5.8 Rujukan/Bibliografi	20-21
6. Hasil Penyelidikan	22
7. Lampiran	23

3. PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sehingga membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna.

Diantaranya :

Prof. Ir. Dr. Hjh Zainab Mohamed
(Rektor Universiti Teknologi MARA Perak)

Prof. Madya Dr. Norlida Md Noor
(Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri UiTM Perak)

Pengarah JAIPk
(Jabatan Agama Islam Negeri Perak)

Puan Noraziah binti Azizan
(Kordinator Akademi Pengajian Bahasa UiTM Perak)

Ustazah Mazlah binti Yaacob
(Ketua Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam UiTM Perak)

Us Yadman bin Sarwan
(Pensyarah Kanan, UiTM Shah Alam)

Prof. Madya Haji Hasbullah bin Abdul Rahman
(Pensyarah UiTM Perak)

Kakitangan PJI dan semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sokongan di dalam menjayakan penyelidikan ini.

5.2 Ringkasan Eksekutif Dapatan (Abstrak)

Bahasa Arab merupakan bahasa bagi dua sumber utama dalam Islam iaitu al-Quran dan al-Hadith. Bahasa ini sepatutnya dipelajari oleh setiap individu muslim dan sepatutnya dikuasai oleh setiap individu yang tugasnya berkaitan hal ehwal Islam. Amat malang sekiranya bahasa ini tidak dapat dikuasai dengan baik kerana ia akan mengakibatkan kesilapan dalam penggunaan serta penyampaian terutama sekali ketika menyampaikan ayat-ayat al-Quran. Justeru itu, para petugas hal ehwal Islam wajar memantapkan pengetahuan bahasa Arab bagi mengelak dari melakukan kesilapan ketara yang akibatnya sangat besar kepada pelaksanaan tugas mereka. Hasil kajian ini mendapati tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan para petugas hal ehwal Islam perlu dimantapkan lagi. Kelemahan dalam menguasai kaedah-kaedah bahasa yang secukupnya mengakibatkan kurangnya kemahiran dalam penyampaian bahasa Arab. Kajian ini akhirnya mengemukakan cadangan-cadangan bagi menyelesaikan permasalahan tersebut.

5.3 Pendahuluan

Bahasa Arab semakin luas digunakan di negara-negara Islam yang bahasa Arab bukan bahasa ibunda bagi mereka. Penggunaan bahasa Arab di universiti, kolej, sekolah dan media perhubungan telah meningkat sejak tahun 1976. Penggunaannya juga sedang berkembang terutama di negara-negara Islam. Pemimpin-pemimpin agama Islam dikehendaki memahami bahasa ini yang merupakan salah satu jalan untuk mengkaji kandungan ayat-ayat suci Al-Quran dari sumber asalnya.

Di Malaysia, kewujudan tempat-tempat pelancongan yang menarik serta suasana negara yang aman dan selamat menjadi faktor utama pelancong-pelancong dari negara-negara Arab datang ke Malaysia. Di samping itu, institusi pengajian tinggi di Malaysia turut menerima peningkatan bilangan pelajar-pelajar Arab yang datang belajar di sini. Situasi ini membuka ruang kepada rakyat Malaysia untuk memberi perhatian kepada bahasa Arab bagi tujuan perniagaan, perlancongan, pendidikan dan lain-lain.

